

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]
TARIKH : 19 OKTOBER 2016
SOALAN :**

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menjalankan penyemburan kabus (fogging) di sekolah-sekolah secara berperingkat bagi memastikan penyakit aedes dapat dicegah; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan ceramah atau kempen kesedaran di sekolah mengenai pencegahan dan pembasmian penyakit aedes.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penyemburan kabus bukanlah cara yang terbaik dalam mengawal denggi terutama di kawasan sekolah yang tiada kes denggi. Aktiviti membersih dan memusnahkan tempat pembiakan setiap minggu merupakan kaedah pencegahan yang lebih baik dalam

mengawal pembiakan nyamuk Aedes di kawasan sekolah. Oleh itu penglibatan semua pihak dan masyarakat dalam menjalankan aktiviti ini adalah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah ahli jawatankuasa di dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi bersama tujuh Kementerian lain dan agensi agensi yang terlibat, yang bermesyuarat setiap dua (2) minggu bagi membincangkan isu denggi dan Zika. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil berat kes denggi terutama yang melibatkan pelajar sekolah. Pihak KKM telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam menangani masalah denggi di sekolah melalui penyampaian mesej denggi semasa perhimpunan pagi di sekolah. Selain itu, peranan pelajar melalui Persatuan Kelab Doktor Muda dan Program Denggi Patrol juga ditingkatkan agar pelajar boleh menjadi "*change agent*" dengan melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan Aedes di sekolah dan juga bersama ahli keluarga di rumah.

Kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam isu-isu berkaitan kesihatan telah lama terjalin. Ini terbukti melalui Jawatankuasa Induk 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan) Kebangsaan yang dipengerusi oleh Timbalan Menteri Pendidikan.

Tuan Yang DiPertua,

Selain dari itu, KKM dan KPM juga mengadakan kolaborasi bersama syarikat swasta dalam meningkatkan kesedaran pelajar mengenai pencegahan denggi melalui program *Dengue Patrol* di sekolah-sekolah terpilih. Pada tahun 2015, sebanyak 192 buah sekolah terlibat dengan program tersebut. Usaha memantapkan lagi kolaborasi ini akan diteruskan bagi menambah bilangan sekolah yang terlibat dengan program tersebut.